



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**PADA**  
**MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)**  
**YAB KETUA MENTERI MELAKA BERSAMA**  
**AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SERTA**  
**AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN) MELAKA**  
**TARIKH: 15 DISEMBER 2021 (RABU), JAM: 3.00 PETANG**  
**DI FOREST CITY HOTEL JOHOR BAHRU**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera. Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Dato' Ts. Kamel bin Mohamad,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya,  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi),  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)  
Melaka;

Pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

Yang Berbahagia Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati;

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah izin dan kurnia-Nya, kita diberi kelapangan waktu dan kesihatan, untuk bersama-sama di Majlis Ikrar Bebas Rasuah bersama saya dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melaka pada petang ini.

2. Kita juga bertuah pada hari ini kerana bersama-sama dengan kita, ialah Yang Berbahagia Dato' Sri Ahmad Khusairi Bin Yahaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sudi meluangkan masa untuk menyaksikan majlis ini dalam usaha Kerajaan Negeri Melaka memperkasakan tadbir urus yang bersih, telus dan berintegriti. Majlis ini merupakan simbolik komitmen yang tinggi oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk

mewujudkan sebuah negeri yang bebas rasuah dan “*zero tolerance*” terhadap perlakuan jenayah rasuah.

3. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Dato’ Sri Ahmad Khusairi di atas keprihatinan dan sokongan yang diberikan selain sentiasa membantu Kerajaan Negeri Melaka untuk memerangi rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Suka saya mengingatkan kembali bahawa manifesto atau aku janji Kerajaan Negeri Melaka adalah bertemakan '**Kestabilan demi Kemakmuran**' yang bersandarkan kepada **5 teras** dan **103 inisiatif**. Di bawah **teras 3** yakni kecekapan tadbir urus, Kerajaan Negeri berjanji untuk memperkasakan tadbir urus yang bersih dan telus dalam tempoh **seratus (100) hari** mentadbir negeri ini.
  
5. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah atau IBR pada hari ini sangat bertepatan dengan manifesto Kerajaan Negeri. IBR memberi penekanan kepada ikrar dan janji anggota

pentadbiran dan ADUN untuk melaksanakan tugas dengan bertanggungjawab dan menghindarkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah. Saya berharap ikrar ini dapat meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan orang awam terhadap kredibiliti wakil-wakil rakyat yang telah dipilih ini.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

6. Perbuatan rasuah bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit, malahan sebarang bentuk pemberian atau tajaan yang mendorong seseorang individu untuk melakukan atau tidak melaksanakan sesuatu



perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi sebagaimana yang telah diamanahkan kepadanya.

7. Selain itu, perlu kita fahami bahawa salah guna kuasa pula berlaku apabila seseorang individu menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan. Ia juga sebenarnya merupakan perbuatan rasuah yang perlu ditolak dan dicela.
8. Ingin saya tegaskan di sini, Kerajaan Negeri Melaka tidak akan sesekali melindungi mana-mana pihak

yang terlibat dengan rasuah. Sebarang bentuk ketirisan wang awam yang disebabkan oleh perlakuan rasuah akan dihentikan serta-merta dan tindakan tegas berlandaskan undang-undang akan diambil.

9. Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri Melaka juga tidak akan berkompromi dengan pelaku-pelaku rasuah dan akan memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM supaya sesiapa yang didapati bersalah, perlu menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatannya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Saya yakin, sesungguhnya tidak kira walau apa jua agama, aktiviti rasuah amat keji dan dibenci, manakala daripada segi moral, perbuatan memberi dan menerima rasuah adalah tidak berintegriti. Individu yang dihukum atas kesalahan rasuah bukan sahaja dibenci, malahan keluarganya turut akan dihina.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

11. Berdasarkan prinsip **“mencegah lebih baik daripada mengubati”**, maka Kerajaan Negeri Melaka komited untuk mengukuhkan integriti anggota pentadbiran dan penjawat awam. Di antara usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengekang perlakuan rasuah adalah:

- i) Pensijilan semula MS ISO 37001: 2016 *Anti Bribery Management Systems* (ABMS) yang telah diperolehi Jabatan Ketua Menteri Melaka pada 28 Januari 2019 dan berkuat kuasa sehingga 27 Januari 2022;

- ii) Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Negeri Melaka yang dijangka akan dilancarkan pada suku tahun pertama 2022;
- iii) Pengisytiharan harta penjawat awam diteruskan dan diperluaskan kepada anggota pentadbiran;
- iv) Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO) untuk pegawai-pegawai integriti jabatan dan agensi Negeri Melaka di mana kumpulan pertama telah selesai berkursus dari 1 Ogos 2021 hingga 28 September 2021; dan

v) Meneruskan program-program pengukuhan integriti yang berkualiti untuk terus membimbing dan menerapkan nilai-nilai positif dalam diri kakitangan awam dan swasta negeri.

12. Sementara itu, Kerajaan Negeri Melaka juga akan terus memperkukuh kerjasama strategik yang erat dengan pihak SPRM khususnya SPRM Melaka. Sememangnya Kerajaan Negeri memerlukan panduan dan nasihat berterusan bagi menambah baik dasar, perundangan, sistem dan prosedur kerja sedia ada.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Ikrar Bebas Rasuah yang bakal kita tandatangani ini merupakan satu janji kita semua bukan sahaja kepada rakyat, malah lebih penting lagi, ia adalah satu komitmen kepada diri sendiri untuk mendukung amanat agama dalam membentuk dan menjalani kehidupan yang lebih baik serta dilimpahi keberkatan.

14. Marilah bersama-sama saya menjadikan Negeri Melaka ini bebas daripada sebarang perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Sebagai wakil kepada rakyat, di tangan kitalah terletak amanah dan tanggungjawab yang besar dalam memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan memberi manfaat kepada rakyat melalui pelbagai kaedah yang efektif dan pendekatan yang cekap tanpa sebarang pembaziran.



15. Janganlah disia-siakan mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepada kita. Saya yakin dan percaya sekiranya kita bekerja keras dan bersungguh-sungguh tanpa mengutamakan sebarang kepentingan peribadi, mandat rakyat akan terus diberikan kepada kita. Ayuh kita buktikan bahawa rakyat telah membuat pilihan yang tepat dalam pilihan raya kali ini, **“Bagi Jadi, Kasi Jadi”**
  
16. Perjuangan membanteras jenayah rasuah bukan terletak di bahu pihak SPRM semata-mata. Ia merupakan tanggungjawab setiap lapisan masyarakat dan dilaksanakan secara berterusan

agar pewaris negara, generasi masa depan kelak dapat menikmati kehidupan yang lebih baik daripada apa yang kita nikmati hari ini. Janganlah kita menggadaikan maruah diri, keluarga, agama, bangsa dan negara dengan melibatkan diri dengan rasuah ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian.

## **PENUTUP**

17. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia, Dato' Sri Ahmad Khusairi kerana memenuhi jemputan Kerajaan Negeri Melaka walaupun mempunyai jadual yang padat. Saya berharap pihak SPRM akan terus membantu Kerajaan Negeri untuk membanteras jenayah ini.

18. Justeru, marilah sama-sama kita bulatkan tekad supaya ikrar yang akan kita lafazkan sebentar lagi menjadi dorongan untuk terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita kepada rakyat dengan cemerlang dan berintegriti ke arah “Menuju Negeri Lestari” selaras dengan slogan “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.”

19. Semoga usaha kita untuk memerangi gejala rasuah dan salah guna kuasa ini dipermudahkan dan mendapat keredaan Allah SWT.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wassallammualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.

**-TAMAT-**